



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03-8884 9370  
Faks: 03-8888 6671  
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : KPM.600-8/2/7 Jld. ~~33~~ (70)  
Tarikh : 11 Mei 2023

**Pengarah Pendidikan  
Semua Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**JEMPUTAN MENYERTAI PROGRAM VIPBUYER@PBAKL 2023 DI PESTA BUKU  
ANTARABANGSA KL 2023 YANG DIANJURKAN OLEH PERBADANAN KOTA  
BUKU BAGI SEMUA SEKOLAH BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
DAN SEKOLAH SWASTA SELURUH MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Perbadanan Kota Buku sebuah syarikat milik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan menganjurkan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2023 di World Trade Centre Kuala Lumpur pada 26 Mei hingga 6 Jun 2023. Sehubungan dengan itu, Perbadanan Kota Buku menjemput semua sekolah KPM untuk menyertai program VIPBUYER@PBAKL 2023 yang akan dianjurkan sepanjang pelaksanaan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2023.

3. Satu sesi taklimat berkaitan pengenalan program akan diadakan secara dalam talian seperti maklumat berikut:

**Tarikh : 12 Mei 2023**  
**Masa : 3.00 petang – 4.00 petang**  
**Platform : Aplikasi Zoom**  
**<https://bit.ly/taklimatVIPBuyer>**

4. Pihak YBhg. Dato'/tuan/puan dimohon untuk menghebahkan perkara tersebut kepada semua sekolah bawah seliaan YBhg. Dato'/tuan/puan. Bersama-sama ini disertakan surat jemputan daripada Perbadanan Kota Buku untuk dipanjangkan kepada semua sekolah. Penyertaan sekolah adalah secara sukarela tanpa sebarang paksaan.


Segala kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato'/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN**

Pengarah

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

/PP2/UPDP2/MEI/2023



Rujukn : PKB.KPE.200-12/1/1 (126)

Tarikh : 5 Mei 2023

**SEMUA SEKOLAH DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN DAN SEKOLAH SWASTA SELURUH MALAYSIA**

Tuan/Puan

**JEMPUTAN MENYERTAI PROGRAM VIP BUYER @ PBAKL 2023 YANG DIANJURKAN OLEH PERBADANAN KOTA BUKU SEBUAH SYARIKAT MILIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Perbadanan Kota Buku (PKB) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang ditubuhkan bagi memenuhi mandat kerajaan sebagai nukleus perbukuan negara yang menyediakan infrastruktur dan e-infrastuktur untuk merancang industri perbukuan negara sekaligus menyokong kemampuan sistem pendidikan yang merangkumi 5,097,804 orang murid dan 413,660 orang guru di 10,231 buah sekolah di Malaysia.

3. Sehubungan itu, PKB mengorak langkah proaktif melalui pelan strategik PKB 2023 dengan misi 'Menerajui inisiatif perbukuan komersial berasaskan teknologi di Malaysia' menerusi pembangunan Kota Buku Digital Malaysia iaitu sebuah platform perbukuan digital terbesar negara yang mengumpulkan keseluruhan ekosistem industri buku termasuklah penerbitan, penulisan, penterjemahan, jualan, dagangan dan pelbagai aktiviti perbukuan secara digital selaras dengan perkembangan dan aspirasi kerajaan dalam mereformasikan urus tadbir negara ke arah digital.

4. Sehubungan itu bagi mencapai hasrat tersebut, PKB berbesar hati ingin menjemput sekolah Tuan/Puan menyertai program VIP BUYER @PBAKL2023 sebuah program di bawah Kota Buku Digital Malaysia yang akan dianjurkan sepanjang Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2023 di World Trade Center Kuala Lumpur pada 26 Mei - 6 Jun 2023. Program ini dianjurkan untuk memudahkan terutamanya guru-guru media mendapat akses eksklusif secara fizikal dan menilai sendiri bahan bacaan terkini, berkualiti, pada harga yang kompetitif yang ditawarkan oleh pemain industri buku.

5. Justeru, Tuan/Puan atau wakil dijemput untuk menyertai sesi taklimat pengenalan program yang akan diadakan secara dalam talian. Berikut adalah maklumat sesi taklimat untuk perhatian dan tindakan selanjutnya.

Tarikh : 12 Mei 2023 (Jumaat)  
Masa : 3.00 petang - 4.00 petang  
Platform : Aplikasi Zoom (dalam talian)  
<https://bit.ly/taklimatVIPBuyer>

Pihak Tuan/Puan dimohon untuk mengisi pengesahan kehadiran dengan mengisi borang di <https://bit.ly/kehadiranVIPBuyer>. Sebarang pertanyaan dan maklum balas lanjut pihak Tuan/Puan boleh berhubung dengan Encik Muhamad Ramzi bin Mohamed Khir di talian 03-82308058 / 018-2036330 atau emel di [ramzi@kotabuku.my](mailto:ramzi@kotabuku.my). Segala kerjasama daripada pihak Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.



1. *Google Form* Pengesahan Kehadiran Sesi Taklimat

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



2. Link kepada Sesi Taklimat



**ADIBAH OMAR**

Ketua Pegawai Eksekutif